

Luak Jempol  
Dan Mas Kahwin

OLEH. MOHD HASHIM ABDULLAH.  
(PENGHULU LUAK JEMPOL).

BALAI PENGHULU LUAK JEMPOL,  
No:63, SERTING ILIR,  
72100 BAHAU,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

---

Tarikh: 10hb. Jun, 1992.

JEMPOL:

JEMPOL adalah merupakan salah satu daripada luak dalam kawasan Tanah Mengandung, Ketua pemerintahannya dikenal dengan nama Dato' Penghulu Jempol bergelar "DATO' LELA PUTERA SETIAWAN".

Jempol ini adalah mengikut nama sebatang sungai yang mengalir di sepanjang-panjang kawasan itu. Mengikut cerita orang tua-tua, nama Jempol itu berasal daripada nama seorang perempuan yang bernama JEMPO. Kononnya gadis ini sangat cantik parasnya, jempolan di antara gadis-gadis di tempat tersebut. Oleh kecantikan satu perkara yang kurang manis telah ~~telah~~ berlaku pada diri Jempo. Dia telah dihukum bunuh dan mayatnya dibuang ke dalam sungai. Sungai itulah yang disebut Sungai Jempol sekarang ini, iaitu mengambil sempena nama gadis tersebut.

Sempadan kawasan itu dapat kita berpegang pada kata-kata di bawah ini:

"BATASAN MUAR, SEPANJANG SUNGAI MUAR,  
BATASAN JEMPOL, SEPANJANG SUNGAI JEMPOL,  
BATASAN JOHOL, SEPANJANG SUNGAI JELAI".

Jadi kawasan Jempol itu adalah meliputi kawasan bahagian ulu sungai hingga ke Kuala Sungai Jempol. Anak Ayer Lonek ke Bukit Mempinas, Batu Sawa ke Jeram Panjang memotong Sungai Muar ke Simpang Palong Jeram Panjang, mudek ke Batu Menonggol sempadan Pahang, Johor, Lunok Serampang terus ke Kuala Lui, Bukit Pasoh, Simpang Pertang, Langkap - Guntur termasuk: Tengkek, Padang Lebar, Keru, Jerjak, Sungai Jelutong, Seri Melenggang, Sungai Talan, Bukit Sempit, Batu Kikir, Serting Ulu, Serting Ilir, Kuala Jempol, Bahau, Ayer Hitam, Bayai dan lain-lain lagi.

Ketua pemerintahannya Dato' Penghulu Jempol, bergelar Dato' Lela Putera Setiawan, mempunyai kekuasaan penuh dalam luaknya sama ada dalam segi politik mahu pun dalam soal-soal memungut hasil cukai.

Adalah diriwayatkan pusat pemerintahannya pada zaman lampau ialah di Penarekan (Kuala Jempol) dan Titian Teras (Ulu Jempol). Penarekan terkenal dengan nama Serting sekarang ini. Dalam Sejarah Melayu ada menyebutkan tatkala Sultan Melaka berundur ke Pahang baginda mengikut Sungai Muar melalui Penarekan.

Anak Titian Teras itu letaknya di Ulu Jempol menjadi tempat persinggahan jalan darat dari Jelebu ke Pahang. Hingga masa itu masih dapat kita dengar kata-kata "JEMPOL SERAMBI JELEBU".

Bila Jempol telah ramai penduduknya, mereka berkehendakan seorang Penghulu sebagai ketua. Tiga orang wakil, iaitu To' Pengeran, To' Maliga dan To' Poyang telah diutus mengadap ke Johol berkehendakan seorang daripada waris Suku Biduanda untuk dijadikan Penghulu. Pada mulanya mereka dianugerahkan seorang perempuan. Penghulu perempuan itu dikembalikan. Kemudian baharulah mereka mendapat seorang waris yang tinggal di Pasir Besar bernama 'DAIM' ibunya bernama PATAM' suku Biduanda juga.

Tatkala Penghulu Daim sampai ke Jempol itu, ia masih kecil lagi yang demikian jawatannya di pangku oleh To' Pengeran.

Oleh mengenangkan jasa ketiga orang Dato' tadi, masing-masing itu telah dikurniakan gelaran:

- i) To' Pengeran bergelar Dato' Lela Raja sebagai Pemangku Penghulu Jempol.
- ii) To' Meliga Menteri bergelar Dato' Sama Menteri.
- iii) To' Poyang bergelar Dato' Maharaja Setia menjadi tumpuan Dato'-dato' Lembaga.

Sebagai tanda budi bahasa, perlantikan ketiga-tiga Dato' dan perlantikan Penghulu Jempol itu pada mulanya dahulu adalah disah dan disembahkan ke Johol. Bahkan perhubungan kedua luak ini sebelum kedatangan Yamtuan ke Seri Menanti adalah sangat rapat.

Setelah kedatangan Yamtuan ke Seri Menanti Dato' Penghulu Jempol dikenal dengan panggilan Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung bersama dengan Dato' Penghulu Muar, Dato' Penghulu Gunung Pasir dan Dato' Penghulu Terachi.

Dato' Penghulu Tanah Mengandung itu maksudnya ke empat-empat penghulu itulah yang mengandungkan Yamtuan di Seri Menanti itu. Fahaman ini sampailah ketika orang-orang Inggeris mencampuri pemerintahan T.M. 1895.

Hubungan Jempol dengan Johol berjalan terus walau pun Yamtuan telah ada di Seri Menanti. Pada tahun 1926 perhubungan itu menjadi putus apabila terjadi suatu perselisihan antara kedua Dato' tersebut.

Pada satu ketika dulu adalah seorang Yamtuan Seri Menanti yang telah berkahwin dengan seorang anak perempuan waris Jempol bernama To' Nyai Uban, baginda telah membuat istana di Serting dan istana itu masih ada dan masih dipelihara lagi datang sekarang ini.

Pada masa ini masih kita dapati lagi dalam simpanan Dato' Penghulu Jempol sebuah "CHOP MOHOR" kurniaan Sultan Johor. Menurut ceritanya kurniaan ini adalah sebagai membalas jasa taat setia Dato' Jempol kepada Yamtuan Antah yang lari berlindung ke Johor tahun 1874, tatkala baginda kalah dalam peperangan 'Bukit Putus' dengan Sungai Ujong yang dibantu oleh askar-askar upahan British Dato' Jempol tidak mahu tunduk dan mengaku kalah kepada Sungai Ujong.

Sebagai salah seorang daripada Dato' Penghulu Tanah Mengandung Dato' Jempol adalah bertugas mendirikan adat istiadat di Istana Besar Seri Menanti dan perlantikannya tidak lagi disahkan oleh Dato' Johol, tetapi disahkan oleh Yang Di Pertuan Besar Seri Menanti.

GELARAN PENGHULU LUAK JEMPOL:

Sehingga sekarang telah sembilan orang ~~lah~~ yang menyandang pusaka Dato' Penghulu Jempol itu. Kesemuanya terdiri daripada waris Biduanda yang berasal daripada keturunan Patam seperti yang tersebut di atas tadi.

Keturunan Patam melahirkan tiga moyang iaitu:

1. To' Nyai Uban (berkahwin dengan Tunku Alang Husin ibni Yamtuan Hitam Seri Menanti).
2. To' Tarum.
3. To' Mayam.

Waris yang berhak untuk menjadi Dato' Penghulu adalah terdiri daripada keturunan MOYANG TO' TARUM dan MOYANG TO' MAYAM sahaja. Akan keturunan To' Nyai Uban telah mendapat hak keistimewaan daripada Yamtuan Seri Menanti.

Mereka yang telah menyandang Pusaka Dato' Penghulu Jempol:

PERTAMA	:	DATO' PENGHULU DAIM
KEDUA	:	DATO' PENGHULU CHAP
KETIGA	:	DATO' PENGHULU MATIK
KEEMPAT	:	DATO' PENGHULU RIAL
KELIMA	:	DATO' PENGHULU HASSAN
KEENAM	:	DATO' PENGHULU JOHAN
KETUJUH	:	DATO' PENGHULU SHUKOR
KELAPAN	:	DATO' PENGHULU ABDUL WAHAB BIN HJ. IBRAHIM
KESEMBILAN	:	DATO' PENGHULU HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH
KESEPULUH	:	DATO' PENGHULU HAJI MOHD HASHIM BIN DATO' LELA RAJA ABDULLAH.

BALAI PENGHULU LUAK JEMPOL  
No.63, SERTING HILIR  
72100 BAHAU  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tarikh: 23hb. Jun, 1992.  
22 Zulhijjah 1412.

JEMPOL:

Bermula dari empat keluarga dari empat suku kaum datang ke Melaka dan seterusnya ke Batang Tiga daripada Minangkabau. Empat suku kaum itu ialah :

1. Juara Megat - Sri Melenggang
2. Susu Laboh - Tiga Batu.
3. - Tanah Datar.
4. - Mungkal.

Peneroka dari Sri Melenggang menetap di Tanah Bisa, yang kemudiannya dipanggil Negeri Naning. Kemudian Siti Awan dari kaum ini berhijrah ke Anak Air Songsang di Jempol.

Suku kaum Tanah Datar meneroka ke Lubok Kepong di mana anak perempuan Susu Laboh menetap di Pulau Sebang. Anak perempuannya pula berpindah dari Pulau Sebang ke Kuala Sungai Sialang di Jempol.

Suku kaum Tanah Datar pula mula berpindah ke Jumbang, Sri Menanti dari mana anak cucu mereka berpindah ke Sungai Petaling, Jempol.

Suku kaum Mungkal mula bertapak di Tanjong Bidara di mana beberapa keluarga dari mereka kemudian berpindah ke Majau, Jempol. Pada masa ini daerah ini belum dikenali sebagai Daerah Jempol.

Kawasan hiliran dari Titian Teras dinamakan Sungai Kedondong dan kawasan sebelah hulu dipanggil Leban Chondong Tupai Batok. Pokok leban yang dijadikan nama asal ialah dari Kuala Tapak.


Peradatan di Daerah Jempol bermula di mana pentadbiran Penghulu Hassan di mana jajahan Jempol diperluas sehingga di hujung kawasan Hulu. Sebelum dari ini kawasan Hulu adalah di bawah pentadbiran Dato' Jelebu. Mengikut adat setiap Penghulu Jelebu akan dilantik di Jelebu dan kemudian adat istiadat perlantikan akan diadakan semula di Kampung Bukit, Ulu Jempol. Pertempuran hingga berlaku apabila Penghulu Hassan mula mengambil dan mentadbir jajahan Ulu Jempol dari Dato' Jelebu. Untuk mempertahankan dari dijajah, Penghulu Jempol membina kota melintang sawah, merangkumi jalan Terentang hingga berhampiran jalan ke Batu Kikir. Kubu ini dipanggil 'Kubor Jelebu' yang dahulu dikenali sebagai Kubu Jelebu.

Tanpa apa-apa pergaduhan Dato' Jelebu bersetuju memberi dan mengiktiraf pentadbiran Dato' Jempol dari Ulu ke Hilir (Kuala). Mengikut satu sumber sejarah Tunku Melewar telah memberi pendatang asal sebahagian tanah yang dimiliki oleh Johol dan Jelebu. Di atas permintaan Pengiran, Ketua suku kaum Tiga Batu dan Panglima Sutan Kebesaran Ketua kaum Tanah Datar, Ketua jajahan Johol, Rambutan Jantan pihak berkuasa telah bersetuju melantik penghulu mereka sen-

diri.

Adalah dijangka mengikut rekod, Penghulu pertama Jempol dilantik sama-ada dihujung abad ke 18 atau berkemungkinan pada awal abad ke 19. Raja Melewar mangkat pada tahun 1795. Anak saudara perempuan Penghulu pertama berkahwin dengan Tengku Alang Hussain. Tengku Alang Hussain sudah pun dewasa sebelum penerbitan buku Newbold pada tahun 1839.

Salasilah adalah seperti berikut :-



Daima telah dilantik Penghulu Jempol kerana beliau adalah waris dari Dato' Johol mempunyai waris pesaka perut Bendahara Sekudai dari Pasir Besar. Penghulu Daim telah dilantik sebagai Dato' Jempol dan ditabalkan di Sungai Kandong (Terentang). Beliau dianugerahkan dengan tombak kebesaran memegang kuasa Penghulu dengan gelaran Dato' Lela Putera Setiawan.

Seperti yang direkodkan, pengganti bagi Penghulu datangnya dari satu 'perut' dan tiada wujud sistem penggantian kuasa mengikut pusingan. Perlantikan Tok Paduka Tuan, ketua waris Jempol datangnya dari perut yang sama. Senarai pemegang waris Penghulu Jempol yang direkodkan seramai 8 orang adalah seperti berikut :-

1. Daim
2. Chap
3. Rial
4. Matik
5. Hassan (1839, sebelum Newbold)
6. Johan
7. Sukul (ca. 1916)
8. Abdul Wahab.

Ketua bagi 'waris perempuan' bergelar Shahbandar. Perlantikannya bukan mengikut waris keturunan tetapi melalui perkahwinan. Dato' Shahbandar ialah suami waris perempuan. Walaubagaimanapun cuma tiga keluarga sahaja yang layak dipertimbangkan dari kalangan suami waris perempuan - Mereka ialah :-

1. Keturunan Tarum dan Mayang.
2. Anak saudara perempuan Penghulu Pertama.
3. Dari perut Bidai.

Keturunan dari perut Bidai tidak dapat ditimbulkan asal usulnya tetapi masih boleh dikira sebagai layak untuk pertimbangan. Perlantikan hanya dari waris perempuan dan tiada wujud giliran yang tetap dan semua bahagian yang layak mempunyai peluang yang sama untuk dilantik dalam proses pemilihan. Lapan Dato' Shahbandar telah direkodkan, walaupun Shahbandar sekarang

sekarang datangnya dari perut moyang, tetapi beliau dilantik kerana berkahwin dengan perempuan dari perut Bidai.

Kedua-dua peneroka asal dari Minangkabau juga dilantik Penghulu; jangkakan lantikan dari pemerintah Johol kerana lantikan ini hingga sekarang 'Berpesaka' di Johol. Mereka akan merapat hormat kepada Dato' Johol dan jikalau ada apa-apa persengkataan Dato' Johol mempunyai kuasa penuh melantik dan menghakim di mana keputusannya adalah muktamat. Ahli-ahli 'Lembaga' dari sepuluh suku kaum di Jempol tiada suara di dalam pemilihan kedua-dua pegawai tersebut. Perlantikan kedua-dua pegawai dibuat terdahulu dari sepuluh pegawai di atas dan juga 'bertali' di Johol.

Pegawai Jempol bergelar Lela Raja dan pemegang adat adalah Lembaga dari suku kaum Tiga Batu. Panglima Sutan Kebesaran bergelar Sri Amar Menteri dan beliau ialah pemegang Lembaga suku kaum Tanah Datar. Lela Raja digelar anak Dato' Johol dan akan menjalankan tugas Dato' Penghulu Jempol bila ada kekosongan. Beliau ialah ketua bagi dua belas suku kaum yang menganggotai ahli lembaga Jempol. Di balai rong seri pemerintah Johol, Dato' Penghulu Jempol ialah "Haluan sembah" dan menjadi pengantaraan di antara Jempol dan Johol.

Sri Amar Menteri digelar anak Dato' Jempol. Beliau ialah "Haluan sembah" di balai Penghulu Jempol. Melalui beliau sepuluh ketua suku kaum yang menjadi ahli 'Lembaga' mengadap Penghulu Jempol.

Mengikut Newbold, Penghulu dan empat suku kaum mempunyai kuasa yang sendiri. Suku kaum yang empat itu ialah :  
(Papers On Malay Subjects - R.J. Wilkinson 1907 - 1916):

1. Biduanda.
2. Sri Melenggang.
3. Anak Melaka.
4. Tiga Batu

Berkemungkinan Newbold diberi maklumat yang kurang tepat, kerana teringgal mengambil kira dua pegawai yang nampaknya terlibat dalam pembentukan Dato' Penghulu serta beliau juga terlupa mengambil kira suku kaum Batu Hampar yang menjadi ahli kelapan di Lembaga yang memegang gelaran Dato' Besar.

BALAI PENGHULU UNDANG LUAK JEMPOL  
KAMPONG SERTING HILIR  
72100 BAHAU, N.SEMBILAN

-----

KENAIKAN MAS KAHWIN DI LUAK JEMPOL, NEGERI SEMBILAN

-----

Bahawasanya setelah perkara di atas dibawa dalam kerapatan adat, yang di pengerusikan oleh YBH. Dato' Penghulu Undang Luak Jempol bersama Dato'-dato' Lembgaga serta Buapak-buapak yang beradat di Luak Jempol, bertarikh 21hb. Rabiulawal 1412 Hijrah bersamaan 29hb. September 1991, maka satu kesebulatan suara talah didapati menaikkan MAS KAHWIN dan perkara lain yang bersangkutan dengannya.

Justeru itu, saya Dato' Lela Putra Setiawan Hj. Mohd Hashim bin Dato' Abdullah, Penghulu Undang Luak Jempol, serta diperkenankan oleh DYMM Tuanku Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, mengabdakan bahawa MAS KAHWIN anak-anak buah Suku Dua Belas dan Suku-suku yang lain yang terlingkung oleh Luak Jempol dinaikkan seperti tercatat di lampiran-lampiran berikut. Pengisytiharan ini berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1992 bersamaan 26 Jamadilakhir 1412 Hijrah.

Sekian sahaja disampaikan.

Wassalam dan terima kasih.

DATO' HAJI MOHD HASHIM BIN DATO' ABDULLAH JP, PJK.  
DATO' LELA PUTRA SETIAWAN  
PENGHULU UDNANG LUAK JEMPOL.

Termaktub: 29hb. November 1991.  
Bersamaan : 22 Jamadil Awal 1412.



BIDUANDA PASAK (BIDUANDA WARIS)

Kahwin Biasa (Anak Dara)

Kadar Baru

1. Mas Kahwin	\$ 70.00
2. Pengiring Adat	\$ 100.00
Jumlah:	\$ 170.00

Kahwin Biasa (Janda)

1. Mas Kahwin	\$ 35.00
2. Pengiring Adat	\$ 100.00
Jumlah:	\$ 135.00

Kahwin Bersalahan (Anak Dara)

1. Mas Kahwin	\$ 350.00
2. Pengiring Adat	\$ 100.00
3. Dendang Beli Nyawa	\$ 100.00
Jumlah:	\$ 550.00

Kahwin Bersalahan (Janda)

1. Mas Kahwin	\$ 175.00
2. Pengiring Adat	\$ 100.00
3. Dendang Beli Nyawa	\$ 100.00
Jumlah:	\$ 375.00

SUKU-SUKU DUA BELAS TERMASUK:

- |                       |                          |
|-----------------------|--------------------------|
| 1. Biduanda Salasilah | 4. Biduanda Gempa Muda   |
| 2. Biduanda Jegarang  | 5. Biduanda Kaya Menteri |
| 3. Biduanda Gempa     | 6. Biduanda Menteri      |

A. Kahwin Biasa (Anak Dara)

Kadar Baru

- 
- |                   |          |
|-------------------|----------|
| 1. Mas Kahwin     | \$ 60.00 |
| 2. Pengiring Adat | \$ 48.00 |

Jumlah: \$108.00

-----

B. Kahwin Biasa (Janda)

- 
- |                   |          |
|-------------------|----------|
| 1. Mas Kahwin     | \$ 30.00 |
| 2. Pengiring Adat | \$ 48.00 |

Jumlah: \$ 78.00

-----

C. Kahwin Bersalahan (Anak Dara)

- 
- |                       |           |
|-----------------------|-----------|
| 1. Mas Kahwin         | \$ 200.00 |
| 2. Pengiring Adat     | \$ 100.00 |
| 3. Dendang Beli Nyawa | \$ 100.00 |

Jumlah: \$ 400.00

-----

D. Kahwin Bersalah (Janda)

- 
- |                       |           |
|-----------------------|-----------|
| 1. Mas Kahwin         | \$ 100.00 |
| 2. Pengiring Adat     | \$ 100.00 |
| 3. Dendang Beli Nyawa | \$ 100.00 |

Jumlah: \$ 300.00

-----

ADAT PENGHULU LUAK SERTA DATO'-DATO' LEMBAGA  
DAN BUAPAK LUAK JEMPOL

-----

A. Adat Penghulu Luak	Kadar Baru
-----	-----
1. Adat Penghulu Luak	\$ 28.00
2. Adat Dato' Lembaga	\$ 21.00
3. Adat Buapak	\$ 14.00

=====

PERKAHWINAN ANAK PENGHULU LUAK ATAU LEMBAGA

1. Anak Lelaki : Jika anak lelaki Penghulu Luak atau Lembaga berkahwin hendaklah pihak lelaki mengisi adat Penghulu Luak atau Dato' Lembaga kepada pihak perempuan.
2. Anak perempuan : Jika anak perempuan Penghulu Luak atau Dato' Lembaga berkahwin pihak lelaki mestilah mengisi adat penghulu Luak atau Dato' Lembaga.

Ini bermakna bahawa di dalam adat dinyatakan bahawa anak Penghulu Luak atau anak Dato' Lembaga TIDAK BOLEH disuruh menjemput pengantin, membawa tepak atau bujam, epok dan bertating.

Perbilangan adat menyebut :-

Sekecil-kecil anak Penghulu - sama tarafnya dengan Lembaga

Sekecil-kecil anak Lembaga - sama tarafnya dengan Buapak.

\* \* \* \* \*

KAHWIN BERSALAHAN

Taarif kahwin bersalahan adalah seperti Menyerah, Merumah, Perempuan datang mendapatkan lelaki, Tangkap basah (berkhawat) atau lain-lain seumpunya.

HAL-HAL LAIN :

Adat Luak Jempol TIDAK bertanggung jawab jika penganutnya menerima atau memberi "HANTARAN" dalam nikah kahwin. Ia adalah tanggung jawab dan budi bicara antara kedua pihak.

Ini menepati Perbilangan :-

"MUAFAKAT LALU DALAM GELAP,  
ADAT LALU TENGAH TERANG."

Taarif "HANTARAN" adalah dalam bentuk wang, barang kemas, persalinan atau lain-lain barang.

\*\*\*\*\*

PECAHAN PENGIRING ADAT YANG DITUNTUT  
SEMASA HARI PERKAHWINAN

-----

KAHWIN BIASA

-----

1. Pemeliharaan untuk Buapak	\$ 14.00
2. Pemeliharaan untuk pusaka	\$ 10.00
3. Pemeliharaan untuk orang semenda yang menjemput	\$ 30.00
4. Beranggoh atau bertandang	\$ 30.00
	-----
Jumlah	\$ 84.00
	-----

KAHWIN BERSALAHAN

-----

1. Pemeliharaan untuk Dato' Lembaga	\$ 42.00
2. Pemeliharaan untuk Buapak	\$ 28.00
3. Pemeliharaan untuk orang Semenda	\$ 30.00
	-----
Jumlah	\$100.00
	-----

KAHWIN BERSALAHAN DENDANG BELI NYAWA  
(Penebus atau penutup malu).

PENGIRING ADAT DIBERI KEPADA WARIS PESAKA : \$ 100.00

ISTIADAT PERKAHWINAN YANG DITUNAIKAN SEMASA HARI PERKAHWINAN

---

Anak Penyangang Pusaka fidat	Isi Kahwin	Pemeli -haraan Buapak	Pemeli -haraan Pesaka	Pen: Wali orang Bapa Semen-Wakil da	Masuk Qaryah	Pendaf -tar Qaryah	Saksi Nikah	Sijil Nikah	Berang- gah/Ber- tandang	JUMLAH	
Penghulu Luak	\$70.00	\$14.00	\$10.00	\$30.00	\$10.00	\$10.00	\$30.00	\$20.00	\$10.00	\$30.00	\$262.00
Dato' Lembaga	\$60.00 + \$21.00	\$14.00	\$10.00	\$30.00	\$10.00	\$10.00	\$30.00	\$20.00	\$10.00	\$30.00	\$245.00
Buapak/Orang Besar	\$60.00 + \$14.00	\$14.00	\$10.00	\$30.00	\$10.00	\$10.00	\$30.00	\$20.00	\$10.00	\$30.00	\$238.00
Suku-suku 12 dan Suku <sup>2</sup> Lain	\$60.00	\$14.00	\$10.00	\$30.00	\$10.00	\$10.00	\$30.00	\$20.00	\$10.00	\$30.00	\$224.00

Suku Batu Hampar.

Fakta yang terdapat mengenai perkembangan suku ini yang tersirat dan tersurat.

Hanya pernah berlaku krisis perebutan pesaka untuk Dato' Lembaga tersebut sekitar tahun 1916, Yang menyebabkan Pegawai Daerah Kuala Pilah berbangsa Inggeris terpaksa campur tangan. Beliau kemudiannya mewujudkan satu lagi perut suku berkenaan, disamping memberi jaminan bahawa Dato' Lembaga selepas itu akan digilirkan kepadanya.

Perut yang diwujudkan tahun 1916 hingga kini ialah :-

1. Perut Jerjak.
2. Perut Anak Ayer Penghulu.
3. Perut Kuala Jempol.

Dato' Lembaganya bergelar : Dato' Besar.

Buapaknya bergelar:

1. Perut Jerjak - To' Kaya Maraja.
2. Perut Anak Air Penghulu - To' Raja Di-Bilang.
3. Perut Kuala - To' Maharaja.

Di tiap-tiap perut itu:-

Seorang tua waris,  
Seorang tua SOKO.

Dua Orang Besar Pusaka bergelar.

Seorang Menteri Hakim,  
Seorang Memperang.

Susunan pesakanya digilirkan secara teratur sejak Dato' Besar yang pertama itu namanya Nesah daripada perut Jerjak. Kemudiannya digilirkan kepada Rapek daripada perut Air Penghulu, sehingga tahun 1920, perut Kuala Jempol belum lagi diberi peluang menyandang pesaka Dato' Besar itu, gili-giliran Datp' Besar hingga kini ialah :-

Gelaran		DATO' BESAR.	
Perut	Jerjak	Anak Air Penghulu	Kuala Jempol
Penyandang secara Kronologi	1. Nesah 3. Wan 5. Datin 7. Nati 9. Pakeh Samah	2. Rapek 4. Asom 6. Tacik 8. Satin 11. Md. Dom B. Mohamad.	10. Hj.Said B. Mohd Nor 12. Baharuddin B. Kidam Jp.PPN.PMC.PJK. Dilantik (15.5.1985.)

## SUKU TIGA BATU

Nama-nama buapak dalam suku Tiga Batu Dato Lela Raja.

### 1. Perut Kampung Birah.

Buapak - gelarannya - Dato Nara Sakti - Hj.Sharif b Ali.

Tua Waris - Yusof b Rasid

Soko - Hajah Mahawa bt Nahu

Besar Pesaka (Pegawai 99) - Alias b Rantau.

### 2. Perut Masjid Lama

Buapak - Haji Abd.Rahman b Hj.Ibrahim-gelarannya To' Pengeran

Tua Waris - Haji Yusof b Zakaria

Soko - Rabiah bt Zakaria

### 3. Perut Kuala Sialang

Buapak - gelarannya To' Nara Garang - Adam bin Maakir

Tua Waris - Haji Sulaiman b Ahmad

Soko - Basah bt Othman

Besar Pesaka (Pegawai 99) - To' Duka Semaraja Abd.Ghani b Doyok.



WARIS SUKU TIGA BATU MAHARAJA SETIA  
LUAK JEMPOL, MEMPUNYAI EMPAT PERUT.

LEMBAGA

HAJI HASHIM BIN MUSA, PPN, PIS

1. PERUT KUALA JEMPOL

BUAPAK

To' Baginda  
Tuan Hj. Alias b. Kassim  
No.17 kg. Kuala Jempol  
72100 Bahau  
N. Sembilan D.K.

TUA WARIS

Encik Hashim B. Kadir  
No.54 Rumah Murah Mahsan  
72300 Bahau,  
N. Sembilan D.K.

SOKO

Hjh. Lipah Bt. Jaaman  
No.8-B Kg. Kuala Jempol  
72100 Bahau,  
N. Sembilan D.K.

PEGAWAI 99

Tiada

2. PERUT TENGAH

BUAPAK

To' Orang Kaya Musa  
Encik Yaakob b. Mad  
No.12 Kg. Lonek  
72200 Batu Kikir  
N. Sembilan D.K.

TUA WARIS

Encik Abd. Latib B. Omar  
Kg. Bukit Kelulut  
72100 Bahau,  
N. Sembilan D.K.

SOKO

Hjh. Jariah Bt. Yusof  
Kg. Kuala Sialang  
72100 Bahau,  
N. Sembilan D.K.

PEGAWAI 99

Encik Ahmad B. Yusoh  
No.51. Kg. Kuala Sialang  
72100 Bahau,  
N. Sembilan D.K.

3. PERUT LONEK

BUAPAK

To' Orang Kaya Bongsu  
Encik Abd. Aziz B. Awang  
No.62 Rumah Murah  
72300 Spg. Pertang. N.S.  
N. Sembilan D.K.

TUA WARIS

Hj. Abdullah B. Mat  
Kg. Peladang  
72100 Bahau,  
N. Sembilan D.K.

SOKO

Hjh. Esah Bt. Awang  
Kg. Sek. Serting Ilir  
72100 Bahau,  
N. Sembilan D.K.

PEGAWAI 99

Tiada

4. PERUT KERU

BUAPAK

To' Baginda Muda  
Tuan Hj. Abu Bakar B. Ali  
Kg. Tapak Seberang  
72200 Batu Kikir  
N. Sembilan D.K.

TUA WARIS

Tuan Hj. Thani B. Bador  
72200 Batu Kikir  
N. Sembilan D.K.

SOKO

Puan Peah Bt. Saleh  
Kg. Keru  
72200 Batu Kikir,  
N. Sembilan D.K.

PEGAWAI 99

Encik Harun B. Hadis  
Kampung Keru  
72200 Batu Kikir,  
N. Sembilan D.K.

(DATO' MAHARAJA SETIA HAJI HASHIM BIN MUSA, PPN, PIS)  
LUAK JEMPOL,  
NEGERI SEMBILAN, DARUL KHUSUS.